

24 AUG 1997

Mahathir-Proton (Bergambar)

MAHATHIR YAKIN PROTON MAMPU BERSAING DI PASARAN DUNIA

SHAH ALAM, 24 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kereta Proton perlu dikeluarkan pada harga yang munasabah untuk membolehkan kereta nasional itu bersaing di pasaran antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, pada masa ini, kereta Proton belum lagi kompetitif di pasaran dunia dalam konteks harganya.

"Contohnya, kereta keluaran Korea Selatan lebih mudah daripada kereta nasional," kata beliau.

Bagaimanapun, kualiti kereta nasional adalah sama seperti kualiti kereta yang dikeluarkan oleh negara lain dan keadaan ini harus dikekalkan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas melepaskan peserta Perlumbaan dan Karnival Merdeka Proton di Litar Shah Alam, di sini hari ini.

Perdana Menteri menyatakan perkara ini ketika ditanya sama ada beliau melihat adanya minat bagi kereta Proton di luar Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau yakin bahawa memandangkan kereta Proton menarik minat tempatan dan antarabangsa, Proton dapat bersaing di pasaran dunia.

Beliau berkata Proton sedang berusaha untuk mengurangkan kos dan pada masa yang sama mengekalkan kualitinya.

"Saya yakin tidak lama lagi (kereta) kita (akan) mempunyai "competitiveness" (di pasaran antarabangsa)," katanya.

Mengenai Perlumbaan Merdeka Proton sejauh 300 km, Dr Mahathir berkata ia cara yang baik untuk menyambut Hari Kebangsaan kerana sedikit sebanyak ia membuktikan kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia sejak kita merdeka 40 tahun dahulu.

"Banyak yang sudah berubah. Kalau dahulu kita tidak mimpi nak ada "race" membabitkan kereta kita sendiri, hari ini kita tengok bunyipun macam Formula One," kata beliau.

"Walaupun ia bukan Formula One, bunyinya seperti Formula One," katanya.

-- BERNAMA

ES FAZ